

# METOHEXAL TABLET

Metoprolol Tartrate (50mg, 100mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Metohexal
2. Bagaimana Metohexal berfungsi
3. Sebelum menggunakan Metohexal
4. Cara menggunakan Metohexal
5. Semasa menggunakan Metohexal
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Metohexal
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Metohexal

Metohexal digunakan untuk merawat:

- Penyakit darah tinggi (hypertensi)
- Serangan jantung (*myocardial infarction*)
- Degupan jantung tidak tetap (*arrhythmia*)
- Merawat penyakit arteri koronari (penyempitan salur darah)

## Bagaimana Metohexal berfungsi

Metohexal mengandungi bahan aktif, metoprolol yang tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai “*beta-blocker*”.

Ia berfungsi dengan mempengaruhi tindak balas tubuh terhadap sesetengah impuls saraf, terutamanya pada jantung.

Hasilnya, ia mengurangkan keperluan jantung untuk oksigen dan darah dan dengan itu mengurangkan jumlah kerja yang perlu dilakukan oleh jantung.

Ia juga meluaskan saluran darah dalam badan dan menyebabkan tekanan darah menurun.

## Sebelum menggunakan Metohexal

### - Bila tidak boleh menggunakan

Anda tidak boleh menggunakan Metohexal sekiranya anda:

- Mempunyai sekatan jantung
- Mempunyai kegagalan jantung yang teruk
- Menghidap *sinus bradycardia* (ritma sinus dengan kadar rehat jantung kurang daripada 45-50 degupan seminit)
- Mempunyai degupan jantung yang tidak tetap
- Mempunyai peredaran darah yang lemah

- Mengalami kejutan, kerana jantung anda tidak mengepam darah secara betul (*cardiogenic shock*)
- Mempunyai tumor pada kelenjar adrenal yang jarang berlaku (*phaeochromocytoma*)
- Mempunyai tekanan darah rendah (hypotensi)
- Mempunyai masalah saluran pernafasan terhalang atau sukar bernafas disebabkan oleh asma.
- Mempunyai serangan jantung dengan kadar yang perlahan (kurang daripada 45 hingga 50 denyutan seminit)

### - Sebelum mula menggunakan Metohexal

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda:

- Pernah mengalami reaksi atau alahan terhadap metaprolol tartrate atau terhadap ubat-ubatan lain dalam kumpulan *beta blocker* atau apa-apa bahan dalam Metohexal.
- Mempunyai masalah pernafasan.
- Mempunyai masalah jantung.
- Adalah seorang pesakit kencing manis
- Akan menjalani pembedahan
- Mempunyai masalah keterlebihan hormon tiroid
- Mempunyai masalah mata
- Mempunyai masalah hati
- Pesakit warga emas
- Mempunyai penyakit intoleransi galaktosa

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubatan yang didapatkan tanpa preskripsi.

Anda mungkin perlu mengubah dos anda atau mengambil ubat lain. Doktor anda akan memberikan cadangan. Anda mesti maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mengambil ubat-ubat yang berikut:

- “*Calcium channel blockers*” untuk merawat tekanan darah tinggi dan angina. Contohnya, verapamil dan diltiazem
- Ubat-ubat lain untuk merawat tekanan darah tinggi termasuk ubat lain dari kumpulan “*beta blockers*”
- Sesetengah ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat degupan jantung tidak tetap atau tidak normal, contoh. procainamide dan quinidine.

- Nitroglycerin (untuk merawat sakit dada)
- Ubat bius
- Ubat untuk merawat kemurungan, contoh. fluvoxamine dan fluoxetine
- Hydralazine, ubat untuk tekanan darah tinggi
- “*Digitalis glycosides*” contoh. digoxin untuk merawat kegagalan fungsi jantung
- Ubat-ubat untuk serangan jantung dan tekanan darah rendah, contoh. adrenaline, noradrenaline
- *Monoamine-oxidase inhibitors* (MAOIs), untuk merawat kemurungan
- Sesetengah ubat-ubatan digunakan untuk melegakan kesakitan, bengkak dan simptom keradangan yang lain termasuk arthritis, contoh. indomethacin.
- Rifampicin, ubat untuk jangkitan bakteria
- Clonidine, ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi
- Insulin dan ubat biji untuk merawat penyakit kencing manis
- Lidocaine (bius setempat)
- Prazosin (merawat tekanan darah tinggi)
- Alkaloid ergot (merawat Migrain)
- Dipyridamole (mengelakkan darah beku)

Elakkan alkohol semasa dalam rawatan Metohexal.

Doktor anda mempunyai maklumat lanjut tentang ubat-ubatan yang harus anda elakkan.

### - Semasa mengandung dan menyusu bayi

Rujukkan kepada doktor anda sebelum anda mula menggunakan Metohexal Tablet sekiranya anda sedang hamil, bercadang untuk hamil, sedang menyusu atau ingin menyusu bayi. Doktor anda akan mempertimbangkan risiko dan kebaikan pengambilan ubat ini.

## Cara menggunakan Metohexal

Maklumat di dalam risalah ini mungkin tidak sama seperti arahan yang diberikan oleh doktor. Ini kerana rawatan yang diberikan adalah disesuaikan dengan keadaan anda. Sentiasa ambil Metohexal seperti mana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Tekanan darah tinggi (Hypertensi)

Biasanya dos permulaan adalah 100mg sekali sehari. Bergantung kepada reaksi anda, doktor mungkin akan menambahkan dos anda.

Cardiac arrhythmias (degupan jantung tidak tetap)

Metohexal diambil sebagai rawatan susulan sebanyak 50 mg tiga kali sehari.

Myocardial infarction (serangan jantung)

Metohexal diberikan sebagai rawatan sampingan dalam rawatan serangan sakit jantung. Dos permulaan adalah 50 mg diambil setiap 6 jam untuk 2 hari berturut-turut. Doktor anda akan menambahkan dos sehingga 100 mg dua kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Ambil Metohexal pada masa yang sama setiap hari secara oral.

- Berapa lama perlu digunakan

Sila ambil ubat anda seperti mana yang diarahkan oleh doktor anda. Ubat ini berfungsi untuk mengawal keadaan anda tetapi bukan menyembuhkannya. Adalah penting untuk terus mengambil ubat ini walaupun anda telah berasa sihat.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos anda dengan segera apabila anda ingat dan teruskan mengambil Metohexal seperti biasa. Jika hampir masa kepada dos seterusnya, abaikan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya pada waktu yang ditetapkan.

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda, atau sesiapa yang mengambil terlebih banyak ubat ini, anda mesti segera pergi ke Bahagian Rawatan Kecemasan Hospital terdekat atau maklumkan kepada doktor anda. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang tanda ketidakselesaan atau keracunan. Bawa bersama bungkusan atau baki ubat yang selebihnya dengan anda.

Tanda-tanda terlebih dos adalah seperti berikut:

- Tekanan darah rendah (pening, pengsan, rasa pitam)
- Ketidakupayaan jantung, kegagalan jantung
- Kesukaran bernafas
- Degupan jantung perlahan
- Loya, muntah
- Kemerahan dan keunguan di bawah lapisan kulit
- Pergerakan badan yang tidak teratur
- Kurang kesedaran atau koma
- Kematian juga boleh berlaku

Tanya doktor atau ahli farmasi anda, sekiranya anda mempunyai apa-apa persoalan lanjut mengenai penggunaan ubat ini.

**Semasa menggunakan Metohexal**

- Perkara yang perlu dilakukan

- Sekiranya anda sedang dirawat untuk penyakit diabetes, pastikan anda sentiasa memeriksa tahap gula dalam darah anda dan maklumkan sebarang perubahan kepada doktor anda. Metohexal® mungkin mengubah tahap keberkesanan pengawalan diabetes anda. Ia juga mungkin mengaburi sesetengah tanda-tanda gula darah rendah (hipoglisemia).
- Metohexal mungkin akan meningkatkan masa untuk badan anda pulih daripada keadaan gula darah rendah. Dos ubat-ubatan untuk diabetes termasuk insulin mungkin perlu diubah.
- Maklumkan kepada doktor anda dengan segera sekiranya anda mengalami sebarang alahan yang serius terhadap sebarang makanan, ubat atau gigitan serangga semasa mengambil Metohexal.
- Pastikan anda minum air yang mencukupi ketika bersenam dan cuaca panas semasa anda mengambil Metohexal terutamanya jika anda banyak berpeluh. Sekiranya anda tidak minum air yang mencukupi semasa mengambil Metohexal, anda mungkin akan pengsan, pitam atau berasa tidak sihat. Ini adalah kerana tekanan darah anda turun dengan mendadak. Sekiranya anda masih rasa tidak sihat, maklumkan kepada doktor anda.
- Anda mungkin berasa pening atau pitam semasa mengubah posisi, terutamanya

ketika berdiri atau bangun dari katil. Ini adalah kerana tekanan darah anda turun dengan mendadak. Berdiri perlahan-lahan terutamanya ketika anda bangun dari katil atau kerusi. Ini boleh membantu badan anda membiasakan dengan perubahan posisi dan tekanan darah.

- Pesakit yang berumur perlu memantau tekanan darah mereka untuk mengelakkan tekanan darah mereka menjadi terlalu rendah.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil Metohexal tanpa merujuk kepada doktor anda. Adalah amat penting untuk terus mengambil ubat anda walaupun anda sudah sihat.
- Jangan mengambil Metohexal selepas tamat tarikh luput yang dinyatakan pada papan dan kotak ubat.
- Jangan berikan ubat ini kepada orang lain walaupun tanda-tandanya sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Metohexal mungkin menyebabkan kepeningan atau pitam bagi sesetengah orang. Sekiranya anda mendapat simptom-simptom ini, jangan memandu kenderaan atau menggunakan apa-apa mesin.
- Sekiranya anda mengambil minuman beralkohol, ia boleh menyebabkan simptom seperti pitam dan pening menjadi lebih teruk.

**Kesan-kesan sampingan**

Semua ubat mempunyai kesan sampingan. Metohexal mungkin menyebabkan kesan sampingan, tetapi, bukan setiap individu akan mengalaminya.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda perasan sebarang tanda-tanda seperti berikut yang merisaukan anda :

- Kesan-kesan sampingan umum:

- Loya dan muntah
- Sakit perut
- Keletihan
- Pening dan sakit kepala
- Kadar degupan jantung rendah
- Tekanan darah rendah apabila berdiri dari duduk atau berbaring
- Sukar bernafas

- Kesan-kesan samping yang jarang

- Kemurungan
- Mimpi ngeri
- Kurang kesedaran
- Mengantuk dan gangguan tidur
- *Paresthesia* (rasa gelisah, menyucuk atau kebas)
- Kegagalan jantung
- Perubahan pada kadar degupan jantung atau palpitas
- Retensi cecair
- Fenomena Raynaud (penyekatan aliran darah berikutan rasa sejuk atau tekanan)
- *Bronchospasm* (batuk, nafas dengan bunyi bersiul dan rasa ketat pada dada)
- Cirt-birit atau sembelit
- Ruam kulit
- Kekejangan otot

- Kesan-kesan samping yang sangat jarang

- Kesan sistem saraf pusat (halusinasi)
- Bilangan platelet darah yang rendah (lebam dan pembekuan darah menjadi perlahan selepas kecederaan)
- Kabur penglihatan, mata kering dan sakit mata
- Bunyi berdering dalam telinga dan kehilangan deria pendengaran sementara
- Sakit dada dan halangan jantung
- Kematian tisu badan disebabkan oleh kekurangan bekalan darah
- Radang membran mukus hidung
- Mulut kering
- Keradangan hati
- Fotosensitif dan penyakit kulit dengan tompok-tompok merah, gatal dan kulit bersisik
- Berpeluh dengan berlebihan
- Keguguran rambut
- Keradangan pada sendi
- Lemah fungsi seksual
- Peningkatan berat badan
- Ujian fungsi hati tidak normal

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mendapati kesan-kesan samping lain yang menyebabkan anda tidak sihat. Sesetengah pesakit mungkin mengalami kesan-kesan sampingan yang tidak disenaraikan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat

Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my)  
(Consumers → Reporting)

**Cara penyimpanan dan pelupusan Metohexal**

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang sejuk dan kering di bawah suhu 25° C.

Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Jangan gunakan Metohexal yang melebihi tarikh luput seperti yang dinyatakan pada bungkusan ubat.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Metohexal 50 Tablet: Tablet berwarna putih,bulat dan cembung dengan garis pembelahan pada satu belah permukaan tablet.

Metohexal 100 Tablet: Tablet berwarna putih,bulat dan cembung dengan garis pembelahan pada sebelah permukaan tablet.

Metohexal boleh didapati dalam pek 20, 50 atau 100 biji tablet sekotak.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif

Metohexal 50 Tablet: 50 mg metoprolol tartarate

Metohexal 100 Tablet: 100 mg metoprolol tartarate

- Bahan tidak aktif

Lactose monohydrate, maize starch, cellulose microcrystalline, magnesium stearate, colloidal silicon dioxide, hydroxypropylcellulose, calcium hydrogen phosphate, crospovidone

- Nombor MAL

Metohexal 50 Tablet: MAL19950521AZ  
Metohexal 100 Tablet: MAL19950522AZ

**Pengilang**

Salutas Pharma GmbH  
Otto-von-Guericke-Allee 1  
D-39179 Barleben

**Untuk:**

Hexal AG  
Industriestraße 25  
83607 Holzkirchen, Germany

**Pemegang Pendaftaran Produk**

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.  
No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,  
Medan Niaga Kepong,  
51200 Kuala Lumpur, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

30-Julai-2015

**Nombor Siri**

BPFK(R4/2)280715/0029